

KATA PINJAMAN BAHASA CINA DALAM BAHASA MELAYU: SUATU HURAIAN FONOLOGI¹

Zaharani Ahmad

Abstrak

Kosa kata bahasa Melayu, secara umumnya, dapat dibahagikan kepada dua kumpulan utama, iaitu (i) kosa kata natif atau asli, dan (ii) kosa kata pinjaman atau asing. Antara kata pinjaman asing yang banyak terdapat dalam bahasa Melayu adalah yang berasal daripada bahasa Cina. Dari sudut fonologi, penyerapan kata pinjaman ini memperlihatkan dua fenomena yang berbeza. Pertama, kata pinjaman asing itu mengalami proses perubahan fonologi kerana ingin menepati dan mematuhi sistem dan peraturan nahu bahasa natif. Kedua, kata pinjaman ini mempertahankan dan mengekalkan ciri sistem bahasa asing, justeru perealisasiannya bertentangan dan bercanggahan dengan sistem nahu bahasa natif. Fenomena kedua ini amat menarik kerana kemasukan ciri asing akan menyebabkan sistem bahasa natif menjadi lebih kompleks dan rencam. Sehubungan dengan itu, kertas ini cuba meneliti dan menghuraikan perilaku fonologi kata pinjaman bahasa Cina yang telah lama terserap dan menjadi sebahagian daripada kosa kata bahasa Melayu. Perilaku fonologi yang menjadi fokus perbincangan ialah fenomena kedua, iaitu yang melibatkan pengekalan ciri bahasa Cina yang bertentangan dengan sistem fonologi bahasa Melayu. Antara aspek fonologi yang disentuh ialah (i) harmoni vokal, (ii) rangkap nasal homorgan, (iii) reduksi vokal, dan (iv) nasalisasi vokal.

Abstracts

Generally, Malay vocabularies can be divided into two major groups, namely (i) native vocabularies, and (ii) foreign or borrowed vocabularies. Among the foreign words borrowed into Malay come from Chi-

1 Makalah ini asalnya ialah kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Persahabatan China-Malaysia Selama 30 Tahun pada 30 Mei 2004, di Beijing, China.

nese. Phonologically, these borrowed words demonstrate themselves in two different behaviours. First, these words will undergo phonological changes that are in agreement with the native grammatical system. Second, these borrowed words will preserve and uphold their foreign characteristics, thus their realisations are in contradiction with the grammatical system of the native language. This latter aspect of phonological behaviour is interesting because the presence of foreign elements can bring about complexity in the native grammar. Correspondingly, this paper attempts to investigate and describe the phonological behaviours of Chinese loan words that have been accepted and become parts of Malay vocabularies. The phonological aspects that come under discussion are the second phenomenon, which involves the preservation of Chinese features that are in contradiction with the Malay phonological system. The phonological aspects that will be discussed are (i) vowel harmony, (ii) homorganic nasal, (iii) vowel reduction, and (iv) vowel nasalization.

PENDAHULUAN

Setiap bahasa di dunia ini mempunyai khazanah kosa katanya sendiri. Kosa kata ini akan terus bertambah dan berkembang seiring dengan kemajuan dan pemodenan yang dialami oleh masyarakat penutur bahasa berkenaan. Penambahan kosa kata berlaku kerana keperluan masyarakat untuk mengungkapkan sesuatu, sama ada benda yang bersifat konkrit ataupun konsep dan gagasan yang abstrak sifatnya. Penambahan kosa kata boleh dihasilkan dengan cara masyarakat sesuatu bahasa itu mencipta kosa katanya sendiri berdasarkan pengetahuan dan kecekapan penutur tentang bahasanya. Selain itu, penambahan kosa kata juga berlaku melalui proses peminjaman. Kesimpulannya, kosa kata yang terhimpun dalam sesuatu bahasa itu, secara umumnya, dapat dibahagikan kepada dua kumpulan utama, iaitu (i) kosa kata natif atau asli, dan (ii) kosa kata pinjaman atau asing.

Proses peminjaman terjadi apabila berlakunya pertembungan antara satu bahasa dengan satu bahasa yang lain. Peminjaman kosa kata didorong oleh keperluan untuk memberikan nama kepada benda dan konsep baru (Langacker, 1968). Misalnya, kedatangan pendakwah dan pedagang Arab ke Tanah Melayu pada abad ke-15 menyebabkan banyak kosa kata Arab terserap ke dalam bahasa Melayu. Kebanyakan kosa kata ini berhubungan dengan hal-hal keagamaan, khususnya agama Islam.

Selain bahasa Arab, bahasa Melayu juga diperkaya dengan kemasukan

kata asing daripada bahasa Sanskrit, Portugis, Tamil dan Cina. Dari sudut fonologi, lazimnya, apabila kata pinjaman ini dibawa masuk ke dalam bahasa natif, maka dua fenomena fonologi akan berlaku. Pertama, kata pinjaman asing itu mengalami perubahan dan modifikasi kerana didorong oleh motivasi fonologi agar bertepatan dengan sistem nahu bahasa natif. Kedua, kata pinjaman ini mempertahankan dan mengekalkan ciri sistem bahasa asing, justeru perealisasiannya bertentangan dan bercanggahan dengan sistem nahu bahasa natif.

Apabila fenomena kedua ini berlaku, sistem nahu bahasa natif menjadi lebih kompleks dan rencam kerana wujudnya dua sistem fonologi yang berbeza dalam satu bahasa yang sama. Sehubungan dengan itu, dalam kertas ini, penulis cuba menghurai dan membincangkan perilaku fonologi kata pinjaman bahasa Cina yang terdapat dalam bahasa Melayu dengan memberikan tumpuan khusus kepada fenomena fonologi yang kedua, iaitu kata yang tidak menepati sistem fonologi bahasa Melayu.

Kata Pinjaman Bahasa Cina dalam Bahasa Melayu

Seperti yang telah dinyatakan, setiap bahasa mempunyai khazanah kosa katanya sendiri, sama ada yang bersifat asli mahupun pinjaman. Keseluruhan kosa kata sesuatu bahasa itu dirakamkan dan didokumenkan dalam sebuah kamus. Justeru, kamus merupakan bahan rujukan yang paling penting untuk diteliti dan dikaji sekiranya kita ingin mendapatkan jumlah kata pinjaman asing. Dalam konteks kajian ini, untuk mendapatkan jumlah kata pinjaman bahasa Cina dalam bahasa Melayu, penulis meneliti kamus-kamus Melayu seperti *Kamus Dewan* (1970, 1984, 1994), kamus *A Malay-English Dictionary* (Wilkinson, 1932) dan lain-lain.

Kebiasaannya, kata pinjaman yang terdapat dalam kamus akan diberikan label tertentu agar mudah dikenal pasti oleh pembaca. Misalnya, dalam *Kamus Dewan*, kata-kata yang berlabel C menandakan bahawa dari segi etimologinya, kata-kata tersebut ialah kata pinjaman daripada bahasa Cina. Namun begitu, perlu ditegaskan juga bahawa bukan semua kata pinjaman bahasa Cina diberikan label C dalam kamus tersebut. Pada hemat penulis, hal ini terjadi mungkin kerana penyusun kamus itu tidak menyedari bahawa kata-kata berkenaan ialah kata pinjaman daripada bahasa Cina.

Kajian yang agak mendalam tentang kata pinjaman bahasa Cina dalam bahasa Melayu telah dilakukan oleh Kong (1993). Berdasarkan sumber maklumat *Kamus Dewan* (1970), Kong (1993:677) menyimpulkan bahawa terdapat 261 patah perkataan pinjaman bahasa Cina dalam bahasa Melayu,

dan kata tersebut disenaraikan satu per satu. Dalam kajiannya juga, Kong (1993) telah mengelaskan kata pinjaman bahasa Cina kepada 10 jenis, iaitu (i) sayur-sayuran, buah-buahan dan makanan, (ii) barang kegunaan seharian, (iii) adat istiadat, (iv) kata ganti nama dan panggilan untuk famili, (v) kata bilangan, (vi) bangunan dan tempat, (vii) permainan perjudian dan kepercayaan, (viii) jabatan, kerjaya dan posisi sosial, (ix) kenderaan dan alat pengangkutan, dan (x) perkataan-perkataan lain.

Kajian tentang kata pinjaman bahasa Cina dalam bahasa Melayu turut dilakukan oleh Mashudi dan Yeong (1989). Berbeza daripada Kong (1993), mereka mengatakan bahawa kata pinjaman bahasa Cina dalam bahasa Melayu berjumlah 341 patah perkataan. Daripada jumlah tersebut, hanya 90 patah perkataan sahaja yang masih aktif digunakan, manakala 251 patah perkataan lagi telah lapuk dan tidak lagi digunakan. Selain meneliti aspek penggunaan, Mashudi dan Yeong (1989) juga telah membuat pengelasan kata. Mereka juga menjeniskan kata pinjaman bahasa Cina kepada 10 jenis, iaitu (i) kata-kata penggunaan harian, (ii) alat-alat di rumah, (iii) panggilan dan gelaran, (iv) makanan dan minuman, (v) ubat dan haiwan, (vi) adat dan agama, (vii) pakaian dan persolekan, (viii) perjudian, (ix) pentadbiran, dan (x) perniagaan.

Kesimpulannya, kajian tentang jumlah bilangan dan pengelasan kata pinjaman bahasa Cina dalam bahasa Melayu telah pun dilakukan sebelum ini. Sebagai menambah kosa ilmu kajian tentang kata pinjaman bahasa Cina dalam bahasa Melayu, kertas ini cuba melihat aspek fonologi yang direalisasikan oleh kata pinjaman tersebut. Huraian fonologi tentang kata pinjaman ini amat berguna dan boleh membantu penyusun kamus dan juga ahli etimologi mengenal pasti sama ada sesuatu kata itu ialah kata pinjaman atau tidak, kerana sistem fonologinya tidak bertepatan dengan sistem fonologi kata asli bahasa Melayu.

Aspek Fonologi

Fonologi ialah bidang ilmu linguistik yang mengkaji sistem dan fungsi bunyi dalam sesuatu bahasa. Kajian fonologi lazimnya meneliti empat aspek utama. Pertama, kajian itu cuba mengenal pasti inventori fonem sesuatu bahasa yang meliputi fonem konsonan dan juga vokal. Setiap bahasa itu mempunyai inventori fonemnya sendiri, dan jumlahnya berbeza daripada satu bahasa kepada bahasa yang lain. Kemasukan fonem asing dalam sesuatu kata memudahkan kita mengenali bahawa kata tersebut ialah kata pinjaman. Misalnya, kehadiran konsonan /f/ dalam kata seperti /fikir/, /lafaz/, dan /faham/

yang digunakan dalam bahasa Melayu dapat diramal sebagai kata pinjaman kerana konsonan /f/ itu bukan konsonan asli bahasa Melayu tetapi konsonan yang dipinjam daripada bahasa Arab. Daripada rumusan ini, dapat disimpulkan bahawa semua kata yang mengandungi konsonan /f/ ialah kata pinjaman asing, sama ada daripada bahasa Arab ataupun bahasa-bahasa lain.

Kedua, kajian fonologi meneliti dan mengenal pasti cara fonem distrukturkan dalam binaan suku kata. Segmen konsonan dan vokal merupakan unsur utama yang membina atau membentuk sesuatu morfem dan juga kata. Dalam analisis fonologi, konsonan dan vokal boleh bergabung untuk membentuk satu unit fonologi yang dinamai suku kata. Struktur suku kata yang mudah terdiri daripada urutan konsonan dan vokal secara satu per satu (contohnya, KV, KVK, VK). Struktur suku kata yang kompleks terdiri daripada gabungan beberapa konsonan atau vokal (contohnya, KKKV, VKK, KVVK). Sistem fonologi bahasa Melayu mempunyai struktur suku kata yang mudah yang terdiri daripada V, VK, KV, dan KVK (Yunus, 1980). Sekiranya dalam bahasa Melayu terdapat kata yang mempunyai struktur suku kata yang kompleks, maka pastinya kata tersebut ialah kata pinjaman asing. Misalnya, kata /struk.tur/, /trans.krip.si/ dan /brek/ dapat diramal sebagai kata asing kerana suku katanya berstruktur KKKVK, KKVKK dan KKKV, dan ini bertentangan dengan struktur suku kata bahasa Melayu.

Ketiga, kajian fonologi mengenal pasti penyebaran fonem dan kekangan kehadirannya dalam posisi tertentu di dalam kata. Penyebaran bermaksud lingkungan/kedudukan/posisi/ konteks yang diduduki oleh sesuatu fonem itu di dalam kata. Secara umumnya, kedudukan fonem di dalam kata dapat dibahagikan kepada tiga, iaitu (i) awal kata, (ii) tengah kata, dan (iii) akhir kata. Dari segi penyebarannya, bukan semua fonem boleh menduduki ketiga-tiga posisi ini. Misalnya, fonem /č/, /j/ dan /ɲ/ dalam bahasa Melayu boleh menduduki posisi awal dan tengah kata, tetapi tidak boleh hadir di posisi akhir kata. Sekiranya terdapat kata-kata yang berakhir dengan /č/, /j/ dan /ɲ/ dalam bahasa Melayu, maka dengan mudah kata-kata tersebut juga dapat diramal sebagai kata asing. Misalnya, kata /mač/ 'mac' dan /čaj/ 'caj' ialah kata pinjaman asing, walaupun kata-kata ini tidak dilabelkan sebagai pinjaman di dalam kamus.

Keempat, kajian fonologi mengenal pasti dan menghuraikan proses fonologi yang beroperasi dalam sistem nahu sesuatu bahasa. Proses fonologi bermaksud perubahan yang berlaku ke atas sesuatu fonem di dalam kata. Misalnya, kata /duga/ dan /mula/ dalam bahasa Melayu direalisasikan sebagai [dugə] dan [mulə] di peringkat permukaan atau sebutannya. Di sini, vokal rendah /a/ di akhir kata telah mengalami proses fonologi, iaitu

berubah menjadi vokal *schwa* (atau pepet) [ə]. Sama seperti kes-kes sebelum ini, sekiranya terdapat kata yang mengandungi vokal /a/ di akhir kata yang tidak mengalami perubahan, maka pastinya kata tersebut ialah kata pinjaman. Misalnya, kata /data/ dan /bola/ ialah kata asing yang dibawa masuk ke dalam bahasa Melayu kerana realisasi fonetiknya ialah [data] dan [bola], dan bukannya *[datə] dan *[bolə].

Sehubungan dengan itu, dalam kertas ini, penulis cuba meneliti dan menghuraikan perilaku fonologi kata-kata pinjaman bahasa Cina yang telah lama terserap dan menjadi sebahagian daripada kosa kata bahasa Melayu. Perilaku fonologi yang menjadi fokus perbincangan ialah fenomena yang melibatkan pengejalan ciri-ciri bahasa Cina yang bertentangan dengan sistem fonologi bahasa Melayu. Antara aspek fonologi yang disentuh ialah (i) harmoni vokal, (ii) rangkap nasal homorgan, (iii) reduksi vokal, dan (iv) nasalisasi vokal.

Harmoni Vokal

Dari segi inventori fonem vokal, bahasa Melayu mempunyai sistem enam vokal, iaitu /i, u, e, o, ə, a/. Vokal-vokal ini memperlihatkan perilaku penyebaran yang menarik dan terikat dengan proses fonologi yang dikenali sebagai proses harmoni vokal. Konsep harmoni vokal mula diketengahkan dalam sistem fonologi bahasa Melayu oleh Yunus (1980). Dalam analisis taksonominya, Yunus (1980) menyatakan bahawa penyebaran vokal tinggi [i, u] dan vokal tengah [e, o] di suku kata akhir dalam kata dasar bahasa Melayu adalah saling melengkapi (*complementary distribution*). Vokal tinggi hadir di posisi suku kata akhir terbuka, manakala vokal tengah muncul di posisi suku kata akhir tertutup. Misalnya,

1. Penyebaran vokal tinggi dan vokal tengah di suku kata akhir

Suku kata akhir terbuka Suku kata akhir tertutup

[tu.li]	[tu.les]
[gi.gi]	[gi.get]
[ba.lu]	[ba.lot]
[bu.lu]	[bu.loh]

Dalam analisis fonemik taksonomi, oleh sebab vokal tinggi dan vokal tengah itu memperlihatkan penyebaran yang saling melengkapi, maka bunyi-bunyi vokal tersebut dapat dianggap sebagai alofon kepada fonem yang sama (Yunus, 1980:25). Antara vokal tinggi dengan vokal tengah, lazimnya

vokal tinggi dianggap lebih dasar kerana dari segi tipologi, vokal tersebut wujud dalam semua bahasa. Justeru, vokal tinggi lebih sesuai dianggap sebagai fonem. Dalam hal ini, vokal [i] dan [e] ialah alofon kepada fonem /i/, manakala vokal [u] dan [o] ialah alofon kepada fonem /u/. Representasi fonemik bagi kata-kata di atas adalah seperti yang berikut:

2. Suku kata akhir terbuka Suku kata akhir tertutup

/tuli/	/tulis/
/gigi/	/gigit/
/balu/	/balut/
/bulu/	/buluh/

Sehubungan dengan konsep saling melengkapi ini, Yunus (1980:21-22) selanjutnya menjelaskan bahawa pola umum penyebaran vokal tersebut boleh dikaitkan dengan konsep harmoni vokal (*vowel harmony*) yang dihuraikannya seperti yang berikut:

“By vowel harmony is meant the regular ‘adjustment’ in the manner of production and in the point of articulation of the first vowel in disyllabic simple words of the structure VCV, VCCV, CVCV, CVCCV (all with open syllable) and VCVC, VCCVC, CVCVC, CVCCVC (all with closed final syllable), to ‘harmonise’, as it were, with the second vowel in the respective structures. In other words, the manner and point of articulation of one vowel are conditioned by the other vowel in the same structure.”

Konsep harmoni vokal ini kemudiannya dijadikan sebagai salah satu prinsip dasar dalam pembentukan sistem ejaan rumi bahasa Melayu. Secara umumnya, sistem ejaan bahasa Melayu boleh dikatakan bersifat fonemik kerana bentuk yang direpresentasikan di peringkat ejaan hampir sama dengan yang direpresentasikan di peringkat fonemik. Setiap vokal dan konsonan dalam inventori fonem bahasa Melayu diberikan representasi atau lambang yang sama dalam sistem ejaan. Misalnya, fonem /u/ dilambangkan dengan grafem <u>, /s/ direpresentasikan sebagai <s> dan sebagainya.²

2 Perlu ditegaskan di sini bahawa ada fonem-fonem bahasa Melayu yang tidak diberikan lambang dan juga direpresentasikan dengan lambang yang berbeza dalam sistem ejaan. Misalnya, vokal schwa /ə/ yang bertaraf fonem tidak diberikan lambang yang khusus. Konsonan nasal /ŋ/ dan /ɲ/ masing-masing direpresentasikan sebagai gabungan dua grafem, iaitu <ng> dan <ny>. Ini menunjukkan bahawa sistem ejaan bahasa Melayu bukanlah betul-betul bersifat fonemik.

Seperti yang tertulis dalam buku *Daftar Ejaan Rumi Bahasa Malaysia* (1982), definisi harmoni vokal atau lebih tepat lagi keselarasan vokal menurut istilah yang digunakan dalam buku berkenaan adalah seperti yang berikut:

“Keselarasan vokal bererti keselarasan atau kesesuaian dua huruf vokal yang membentuk dua suku kata pada kata dasar, iaitu pasangan di antara huruf vokal pada suku kata praakhir dengan huruf vokal pada suku kata akhir tertutup.”

Dengan berpandukan konsep harmoni vokal yang didefinisikan di atas, segmen vokal di posisi suku kata akhir tertutup akan direpresentasikan sebagai vokal tengah /e, o/, sekiranya segmen vokal di suku kata praakhir itu juga ialah /e, o/. Sebaliknya, jika vokal pada suku kata praakhir itu terdiri daripada /i, u, ə, a/,³ maka vokal pada suku kata akhir itu direpresentasikan dengan /i, u/.

3. a. vokal separuh tinggi diikuti oleh vokal separuh tinggi

Representasi fonemik	Representasi ejaan
/gelenj/	<geleng>
/tempoh/	<tempoh>
/golorj/	<golong>
/boleh/	<boleh>

b. vokal bukan separuh tinggi diikuti oleh vokal tinggi

Representasi fonemik	Representasi ejaan
/giling/	<giling>
/tulis/	<tulis>
/gulunj/	<gulung>
/siput/	<siput>
/halus/	<halus>
/adik/	<adik>
/təmpuh/	<tempuh>

Seperti yang dapat dilihat pada contoh-contoh yang dipaparkan, realisasi vokal praakhir dan akhir dalam kata bahasa Melayu ditentukan oleh harmoni vokal. Ini merupakan ciri utama sistem fonologi bahasa Melayu, dan

3 Dalam sistem ejaan bahasa Melayu, vokal tengah /e/ dan vokal schwa /ə/ direpresentasikan dengan grafem yang sama, iaitu <e>.

kemudiannya menjadi pedoman dan pegangan dalam pembentukan sistem ejaan bahasa Melayu. Sekiranya kita bertemu dengan kosa kata yang ditulis dan dieja dalam bahasa Melayu yang tidak mematuhi peraturan harmoni vokal ini, maka dapat ditelah atau diramal bahawa kata tersebut bukan kata asli bahasa Melayu, tetapi merupakan kata pinjaman asing. Telahan ini ternyata benar sekiranya kita meneliti contoh-contoh kosa kata pinjaman daripada bahasa Cina yang dipetik daripada *Kamus Dewan* (1994), kajian Mashudi dan Yeong (1989), dan kajian Kong (1993) seperti yang disenaraikan di bawah:⁴

4. Kata pinjaman bahasa Cina yang mengingkari harmoni vokal

	Representasi ejaan	Representasi fonetik	Makna
<anglo>	C	[aŋlo]	dapur arang.
<apek>	C	[apeʔ]	panggilan kepada lelaki (agak tua) berbangsa Cina; apek.
<cingge>	C	[ciŋge]	perarakan kebudayaan sekumpulan orang (khususnya orang Cina di Pulau Pinang) yang secara bergilir-gilir menjulang dan mengimbangi sebatang tiang (besar, panjang) yang diikat bendera besar (bersegi tiga).
<kaleng>		[kaleŋ]	besi tipis yang berlapis timah; tin; bekas berbentuk silinder dibuat daripada tin untuk mengisi cecair dan sebagainya; tin.

4 Dalam *Kamus Dewan* (1994), kata pinjaman daripada bahasa Cina diberikan label C. Namun begitu, terdapat beberapa kata pinjaman Cina yang tidak dilabelkan, dan ini mungkin kerana penyusun kamus itu tidak menyedari bahawa kata tersebut ialah kata pinjaman.

<kongsi>		[koŋsi]	persekutuan (pergabungan) yang mengandungi dua orang atau lebih yang bekerjasama (dalam sesuatu usaha dan sebagainya); persekutuan pedagang-pedagang syarikat.
<lio>	C	[lijo]	dapur tempat membakar batu atau genting.
<liong>	C	[lijon]	sejenis naga (tiren) yang besar.
<lisong>	C	[lison]	cerut, cerutu.
<lokcuwan>	C	[lokčuwən]	sejenis sutera dari negeri China.
<loki>	C	[loki]	pelacur.
<loksun>	C	[loksun]	batuk kering, batuk darah.
<mahjong>		[mahʃon]	sejenis permainan judi orang Cina.
<panglong>	C	[paŋlon]	perusahaan menebang kayu orang-orang Cina.
<singkong>		[siŋkon]	ubat kayu.
<taikong>	C	[tajkon]	tekong, nakhoda jong, juragan, kapten; ketua (sesuatu rancangan jahat dan sebagainya) kepala.

Seperti yang dapat dilihat pada senarai di atas, vokal pada suku kata praakhir tidak berharmoni dengan vokal suku kata akhir. Menurut peraturan harmoni vokal, sekiranya vokal pada suku kata praakhir itu ialah vokal rendah <a>, maka vokal yang mengikutinya haruslah vokal tinggi, sama ada vokal tinggi depan <i> ataupun vokal tinggi belakang <u>. Sekiranya

peraturan ini dipatuhi, kata-kata seperti <angkong>, <apek>, <kaleng>, <mahjong> dan <panglong>, seharusnya direpresentasikan sebagai <angkung>, <apik>, <kaling>, <mahjung> dan <panglung>.

Peraturan harmoni vokal juga mensyaratkan bahawa jika vokal suku kata praakhir itu bermula dengan vokal tinggi, maka vokal suku kata akhir juga mestilah vokal tinggi. Ini jelas telah diingkari oleh kata-kata seperti <liong>, <lisong> dan <singkong>. Menurut harmoni vokal, kata-kata ini seharusnya direpresentasikan dalam ejaannya sebagai <liung>, <lisung> dan <singkung>. Kesimpulannya, mana-mana kata yang tidak menuruti peraturan harmoni vokal, maka pastinya kata tersebut ialah kata pinjaman asing.

Rangkap Nasal Homorgan

Dalam bahasa Melayu, terdapat empat jenis fonem nasal, iaitu /m/, /n/, /ŋ/ dan /ŋ̃/. Salah satu ciri umum perilaku fonologi segmen nasal ini ialah kehadirannya di posisi koda sesuatu suku kata harus berhomorgan dengan segmen obstruen yang menduduki posisi *onset* pada suku kata yang berikutnya. Ringkasnya, setiap rangkap konsonan nasal-obstruen yang hadir dalam kata bahasa Melayu mestilah berhomorgan atau sama daerah artikulasinya antara satu sama lain.

Pada umumnya, semua pengkaji bahasa bersetuju bahawa rangkap nasal-obstruen yang hadir dalam kata bahasa Melayu mestilah berhomorgan atau sama daerah artikulasinya antara satu sama lain. Ini dapat dilihat dalam kebanyakan kata akar (*stem*), seperti yang tersenarai dalam (5) di bawah.

5. Rangkap nasal-obstruen homorgan dalam kata akar bahasa Melayu

/sambah/	<sambah>
/čambah/	<cambah>
/čantik/	<cantik>
/pandu/	<pandu>
/tanj kai/	<tangkai>
/tunŋgal/	<tunggal>
/paŋčiŋ/	<pancing>
/paŋjat/	<panjang>

Berdasarkan contoh-contoh yang diberikan, rangkap nasal-obstruen yang wujud dalam bahasa Melayu ialah /mp/, /mb/, /nt/, /nd/, /ŋk/, /ŋg/, /ŋč/ dan /ŋj/. Selain kewujudannya dalam kata akar, rangkap nasal-obstruen juga wujud dalam kata terbitan yang terhasil melalui proses pengimbuhan, khususnya apabila kata akar yang bermula dengan konsonan obstruen

bergabung dengan awalan yang berakhiran dengan konsonan nasal seperti /məŋ-/ dan /pəŋ-/.

Dalam proses penggabungan morfem atau pengimbuhan, kewujudan rangkap nasal-obstruen yang terhasil melalui penggabungan tersebut harus menjalani rumus asimilasi nasal demi menepati kekangan fonotaktik ini.

6. Rangkap nasal-obstruen yang homorgan di sempadan awalan⁵

/məŋ+puna+i/	[məmpunaʔi]	<mempunyai>
/pəŋ+bəli/	[pəmbəli]	<pembeli>
/məŋ+təmak/	[məntəməʔ]	<menternak>
/pəŋ+datan/	[pəndatan]	<pendatang>
/pəŋ+gali/	[pəŋgali]	<penggali>
/məŋ+çuri/	[məŋçuri]	<mencuri>
/pəŋ+jilat/	[pəŋjilat]	<penjilat>

Seperti yang dapat dilihat, proses penggabungan awalan dengan kata akar telah menyebabkan segmen nasal /ŋ/ pada imbuhan awalan itu mengalami perubahan. Perubahan seperti ini dikenali sebagai proses fonologi. Dalam kes ini, rumus fonologi yang berperanan dalam nahu bahasa Melayu ialah rumus asimilasi nasal (Farid, 1980; Teoh, 1994; Zaharani, 1993).

Dari sudut ilmu teori fonologi, rumus asimilasi nasal yang menghasilkan rangkap nasal-obstruen yang homorgan merupakan satu rumus yang natural atau alamiah kerana gejala ini berlaku dalam banyak bahasa di dunia ini. Dalam nahu bahasa Melayu, proses penghomorganan yang dikawal oleh rumus asimilasi nasal ini dikatakan bersifat nalar dan produktif.

Dalam kajian Farid (1980) yang menggunakan pendekatan linear model SPE (Sound Pattern of English), proses asimilasi nasal ini diformalisasikan melalui rumus perubahan fitur, seperti yang ditunjukkan dalam (7) di bawah.

7. Rumus Asimilasi sebagai perubahan fitur (Farid, 1980:13)

$$[+ \text{nasal}] \rightarrow \left[\begin{array}{l} \alpha \text{ anterior} \\ \beta \text{ koronal} \\ \cdot \\ \cdot \\ \cdot \end{array} \right] / \text{---} \left[\begin{array}{l} \text{K} \\ \alpha \text{ anterior} \\ \beta \text{ koronal} \\ \cdot \\ \cdot \end{array} \right]$$

5 Dalam sistem fonologi bahasa Melayu, bunyi obstruen tak bersuara akan mengalami proses pengguguran (lihat Farid, 1980; Teoh, 1994). Kewujudan rangkap nasal-obstruen tak bersuara dalam contoh di atas dapat dianggap sebagai kekecualian.

Sama seperti kes harmoni vokal yang dihuraikan sebelum ini, sekiranya terdapat kata yang mengandungi rangkap nasal-obstruen yang tidak homorgan, secara umumnya dapat ditelah bahawa kata tersebut ialah kata asing atau kata pinjaman. Kata pinjaman daripada bahasa Cina didapati melanggar peraturan fonologi ini. Antara contohnya adalah seperti yang berikut:

8. Kata pinjaman bahasa Cina yang mengingkari rangkap nasal homorgan

Representasi	ejaan	Representasi fonetik	Makna
<angpau>	C	[aŋpaw]	wang dalam sampul kecil berwarna merah yang diberikan sebagai hadiah pada hari Tahun Baru Cina dan lain-lain.
<bangpak>	C	[baŋpaʔ]	buruk, jahat.
<camca>	C	[čamča]	sudu.
<kamsia>	C	[kamsiya]	terima kasih.
<samsu>	C	[samsu]	sejenis minuman keras (arak).
<samseng> 1	C	[samsen]	melawat (orang mati).
<samseng> 11	C	[samsen]	penjahat (suka merompak, menyamun, dan lain-lain).

Rangkap konsonan nasal-obstruen dalam kata pinjaman di atas tidak berhomorgan sama sekali. Peraturan nasal homorgan mensyaratkan konsonan nasal velar <ng> harus diikuti oleh sama ada konsonan obstruen <k> atau <g>. Rangkap <ngp> dalam kata <angpau> dan <bangpak> nyata sekali tidak menepati peraturan ini. Bagi konsonan nasal labial <m> pula, peraturan nasal homorgan mensyaratkan bahawa konsonan obstruen yang berikutnya mestilah <p> atau . Kehadiran rangkap <mc> dalam kata <camca> dan rangkap <ms> dalam kata <samsu> dan <samseng> sekali lagi menampakkan pengingkaran fonologi, khususnya dari aspek nasal homorgan yang dikawal oleh rumus asimilasi nasal.

Reduksi Vokal

Perbincangan yang berikutnya membahaskan satu lagi aspek fonologi bahasa Melayu yang tidak dipatuhi oleh kosa kata pinjaman bahasa Cina, iaitu yang melibatkan rumus reduksi vokal. Rumus reduksi vokal dideskripsikan sebagai satu proses yang melemahkan vokal rendah /a/ yang berada di posisi akhir kata menjadi vokal *schwa* (atau pepet) [ə] (Farid, 1980; Teoh, 1994; Zaharani, 1993).

9. Representasi ejaan	Representasi fonemik	Representasi fonetik
<duga>	/duga/	[dugə]
<kaya>	/kaja/	[kajə]
<mula>	/mula/	[mulə]
<baca>	/bača/	[bačə]

Wujudnya rumus reduksi vokal dalam sistem fonologi bahasa Melayu dibuktikan oleh fenomena alternasi morfem. Alternasi morfem bermaksud sesuatu morfem atau kata itu mempunyai realisasi fonetik atau penyebutan yang berbeza, dan perbezaan ini muncul pada lingkungan atau konteks yang berlainan. Setiap kelainan penyebutan itu dikenali sebagai alternan atau alomorf bagi morfem tersebut, dan pemilihannya dalam konteks tertentu dikawal oleh rumus.

Dalam sistem fonologi bahasa Melayu, terdapat satu proses alternasi antara vokal rendah [a] dengan vokal *schwa* [ə]. Vokal *schwa* [ə] wujud dalam bentuk kata tunggal, manakala vokal [a] muncul dalam bentuk kata terbitan.

10. Alternasi [a] ≈ [ə]

Kata tunggal			Kata terbitan	
[dugə]	<duga>	≈	[dugaʔan]	<dugaan>
[kajə]	<kaya>	≈	[kəkajaʔan]	<kekayaan>
[mulə]	<mula>	≈	[mulaʔi]	<mulai>
[bačə]	<baca>	≈	[bačaʔan]	<bacaan>

Setiap kata akar di atas mempunyai dua bentuk realisasi fonetik, iaitu satu yang berakhir dengan *schwa* [ə] dan yang satu lagi berakhir dengan vokal rendah [a]. Misalnya [dugə] ≈ [duga], [kajə] ≈ [kaja], [mulə] ≈ [mula], [bačə] ≈ [bača]. Alternan atau alomorf yang berakhir dengan vokal [ə]

wujud dalam bentuk kata tunggal, manakala alternan atau alomorf yang berakhir dengan vokal [a] wujud dalam bentuk kata terbitan.

Dalam kajian fonologi, setiap proses alternasi morfem memerlukan dua pendeskripsian penting, iaitu pertama, penentuan morfem dasar sebagai bentuk dalaman, dan kedua, pemformalisan satu rumus fonologi untuk menjelaskan proses alternasi morfem yang berlaku. Dalam kes alternasi [a] ≈ [ə] ini, kebanyakan pengkaji memilih vokal /a/ sebagai bentuk dasar, dan satu rumus fonologi dikemukakan yang dikenali sebagai rumus reduksi vokal yang menukarkan vokal /a/ di akhir kata menjadi [ə] seperti dalam (11) di bawah.⁶

11. a → ə / _____ #

'# ialah sempadan kata'

Berdasarkan pengamatan penulis, semua kosa kata natif akan mengalami perubahan ini. Sekiranya terdapat kata-kata yang tidak mematuhi rumus atau peraturan ini, maka mudah sekali dikenal pasti bahawa kata-kata itu ialah kata pinjaman daripada bahasa asing. Dalam konteks ini, kata-kata asing itu berasal daripada bahasa Cina.

12. Reduksi vokal tidak berlaku kepada kata pinjaman bahasa Cina

Representasi ejaan		Representasi fonetik	Makna
<beca>		[bečǎ]	sejenis kenderaan beroda tiga untuk seorang atau dua penumpang yang dikayuh oleh seseorang.
<camca>	C	[čǎmčǎ]	sudu.
<kekwa>		[ke/wǎ]	sejenis tumbuhan dan bunganya, <i>Chrysanthemum spp.</i>
<nyonya>		[ɲoɲǎ]	panggilan kepada perempuan Cina yang sudah bersuami; pe-

6 Bahasa Melayu yang dimaksudkan di sini ialah ragam Johor Riau yang dideskripsikan dalam Farid (1976) dan Teoh (1994). Bagi dialek Melayu Kedah dan Pulau Pinang, rumus fonologi ini tidak beroperasi dan vokal /a/ kekal sebagai [a] di akhir kata.

<popia>	[popijã]	rempuan Cina daripada golongan Baba. sejenis kuih yang berinti sayur-sayuran dan bersalut dengan tepung yang nipis.
<misoa>	[misowa]	bahan makanan daripada tepung gandum seperti bihun tetapi lebih halus.
<mua>	[muwa]	terlalu dimanjakan; melampau; belut.
<sempoa>	[səmpowã]	sejenis alat untuk menghitung (buatan Cina); dekak-dekak, sepoa, sipoa.
<taukua>	C [tawkuwâ]	tauhu kering.

Perlu ditegaskan di sini, fenomena reduksi vokal ini agak berbeza perilakunya daripada fenomena harmoni vokal dan rangkap nasal homorgan yang dibincangkan sebelum ini. Reduksi vokal tidak berlaku pada tahap resrepresentasi fonemik atau ejaan tetapi berlaku pada tahap representasi fonetik atau sebutan. Oleh sebab itu, aspek fonologi reduksi vokal tidak dapat membantu penyusun kamus atau pengkaji bahasa mengenal pasti sama ada kata-kata yang berkaitan itu ialah kata pinjaman atau tidak.

Berdasarkan contoh-contoh yang diberikan di atas, ternyata hanya dua kata sahaja yang dilabelkan dengan C dan dapat dikenal pasti sebagai pinjaman, iaitu kata <camca> dan <taukua>. Kata-kata lain itu seolah-olah dianggap sebagai kata asli bahasa Melayu, justeru kata-kata tersebut tidak diberi label C di dalam kamus. Kata-kata ini hanya boleh dikesan sebagai kata asing setelah dilafazkan di peringkat fonetik. Pengekalan sebutan [a] di akhir kata menjadi penanda bahawa kata-kata itu ialah kata asing.

Nasalisasi Vokal

Nasalisasi vokal ialah satu proses yang menyebabkan artikulasi utama sesuatu bunyi vokal dipengaruhi oleh artikulasi sekunder yang melibatkan ciri kesengauan, iaitu udara yang dihasilkan itu keluar melalui rongga

hidung. Dalam transkripsi IPA, nasalisasi atau penyengauan itu diberikan lambang superskrip [̃], misalnya bagi vokal rendah /a/ yang dinasalisasikan akan ditranskripsikan sebagai [ã].

Nasalisasi vokal tergolong dalam jenis vokal mengambil fitur konsonan atau vokal yang berasimilasi dengan fitur konsonan. Ini bermakna fitur tertentu daripada segmen konsonan itu akan ditindankan ke atas vokal. Dalam kebanyakan bahasa, kewujudan vokal nasal itu tidak bersifat fonemik. Sesuatu vokal itu mengalami proses nasalisasi apabila berada bersebelahan dengan konsonan nasal seperti yang ditunjukkan dalam bahasa Inggeris dan juga bahasa Melayu.

13. Nasalisasi vokal dalam bahasa Inggeris

<see>	[sɪy]	'lihat'	<seen>	[sɪ̃yn]	'lihat (partisipal)'
<cat>	[kæt]	'kucing'	<can't>	[kæ̃nt]	'tidak boleh'

14. Nasalisasi vokal dalam bahasa Melayu

[mãlaN]	<malang>	[palaŋ]	<palang>
[mãhãl]	<mahal>	[pahat]	<pahat>
[nãhũ]	<nahu>	[tahu]	<tahu>

Walaupun kedua-dua bahasa di atas memperlihatkan kehadiran nasalisasi vokal dalam sistem fonologinya, tetapi proses yang berlaku itu nyata sekali berbeza. Dalam bahasa Inggeris, fitur nasal yang ditindankan ke atas segmen vokal itu datang daripada konsonan nasal yang mengikuti vokal tersebut, manakala bagi bahasa Melayu pula, fitur nasal yang ditindankan ke atas segmen vokal itu datang daripada konsonan nasal yang mendahului vokal berkenaan. Proses asimilasi yang berlaku dalam bahasa Inggeris dinamakan asimilasi regresif, manakala asimilasi yang berlaku dalam bahasa Melayu dipanggil asimilasi progresif.

Dalam bahasa Melayu, bunyi vokal tidak akan mengalami proses nasalisasi tanpa kehadiran konsonan nasal bersebelahan dengannya. Konsonan oral tidak boleh menyebabkan vokal yang berikutnya menjadi sengau. Sekiranya terdapat kata-kata dalam bahasa Melayu yang mengandungi vokal nasal tanpa konsonan nasal di sisinya, maka dapat ditelah bahawa kata-kata tersebut ialah kata pinjaman daripada bahasa asing. Sila lihat contoh di bawah.

15. Kata pinjaman bahasa Cina yang mengalami proses nasalisasi vokal

Representasi ejaan	Representasi fonetik	Makna
<popia>	[popijã]	sejenis kuih yang berinti sayur-sayuran dan bersalut dengan tepung yang nipis.
<misoa>	[misowã]	bahan makanan daripada tepung gandum seperti bihun tetapi lebih halus.
<sempoa>	[səmpowã]	alat untuk menghitung; dekak-dekak (buatan Cina).
<siya>	[sijã]	sejenis bekas yang bertingkat-tingkat tempat menaruh barang-barang makanan (bekalan dan lain-lain), mangkuk tingkat, mangkuk tepen.
<taukua>	C [tawkuwã]	tahu kering.

Seperti yang dapat dilihat, semua vokal [a] selepas bunyi separuh vokal [j] dan [w] telah mengalami proses nasalisasi, walaupun vokal tersebut tidak didahului oleh konsonan nasal. Vokal-vokal itu didahului oleh konsonan hentian oral, iaitu /p/, /s/ dan /k/. Kehadiran vokal sengau pada lingkungan ini merupakan satu ciri yang asing bagi bahasa Melayu. Oleh sebab ciri ini merupakan ciri asing, maka kata yang terlibat itu pastinya kosa kata asing yang dibawa masuk ke dalam bahasa Melayu.

Ciri asing yang ada pada nasalisasi vokal sama seperti yang terdapat pada reduksi vokal yang dibincangkan sebelum ini. Kedua-duanya hanya boleh dipersepsikan di peringkat sebutan atau representasi fonetik sahaja. Oleh sebab fenomena fonologi ini tidak terserlah di peringkat ejaan atau representasi fonemik, maka kosa kata yang terlibat itu sukar dikenal pasti sebagai kata pinjaman. Justeru, daripada lima contoh kata yang dipetik daripada *Kamus Dewan* (1994), hanya satu kata sahaja yang dikenal pasti sebagai pinjaman daripada bahasa Cina.

KESIMPULAN

Kertas ini telah menghuraikan perilaku fonologi kata pinjaman bahasa Cina yang didapati tidak mematuhi sistem fonologi bahasa Melayu. Ketidapatuhan ini memudahkan kita mengenal pasti sama ada kata tersebut ialah kata-kata asing atau tidak, walaupun kata berkenaan tidak diberikan label khusus dalam entri kamus. Kata pinjaman ini tidak berasimilasi dengan sistem fonologi bahasa natif, mungkin untuk mengekalkan ciri-ciri asing kata tersebut. Kemasukan ciri asing menyebabkan sistem fonologi bahasa Melayu menjadi rencam kerana kata pinjaman tersebut akan menjadi contoh lawan (*counter examples*) kepada rumus-rumus fonologi yang dihuraikan. Untuk menangani isu ini, kata asing itu harus ditandakan sebagai pinjaman di dalam leksikon dan dianggap sebagai kekecualian kepada sesuatu rumus fonologi.

RUJUKAN

Daftar Ejaan Rumi Bahasa Malaysia, 1982. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Farid M. Onn, 1980. *Aspects of Malay Phonology and Morphology: A Generative Approach*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Kamus Dewan, 1970. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kamus Dewan, 1984. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kamus Dewan, 1994. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kong Yuan Zhi, "Kata Pinjaman Bahasa Cina dalam Bahasa Melayu (Bahagian Pertama)" dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*. 37:8, hlm. 676-701, 1993.

Kong Yuan Zhi, "Kata Pinjaman Bahasa Cina dalam Bahasa Melayu (Bahagian Kedua)" dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*. 37:9, hlm. 702-795, 1993.

Langacker R. W., 1968. *Language and Its Structure: Some Fundamental Linguistic Concepts*. New York: Harcourt, Brace & World, Inc.

Mashudi Kader dan Yeong Ah Leok, "Pengaruh Bahasa Cina dalam Perbendaharaan Kata Bahasa Malaysia" dlm. *Dewan Bahasa* 33:4, hlm. 36-267, 1989.

Teoh Boon Seong, 1994. *The Sound System of Malay Revisited*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Wilkinson R. J., 1932. *Malay-English Dictionary (Romanised)*. London: Macmillan & Co. Ltd.

Yunus Maris, 1980 [1966]. *The Malay Sound System*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.

Zaharani Ahmad, 1993. *Fonologi Generatif: Teori dan Penerapan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.